

**ANALISIS KOMPREHENSIF RAGAM HIAS SENI
MASJID JUBLI PERAK SULTAN ISMAIL PETRA,
RANTAU PANJANG, KELANTAN: KAJIAN
PENGARUH BUDAYA MELALUI ESTETIKA**

NURFASIAH AFIQAH BINTI MOHAMED FAUZAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2024

**ANALISIS KOMPREHENSIF RAGAM HIAS SENI
MASJID JUBLI PERAK SULTAN ISMAIL PETRA,
RANTAU PANJANG, KELANTAN: KAJIAN
PENGARUH BUDAYA MELALUI ESTETIKA**

Oleh

NURFASIAH AFIQAH BINTI MOHAMED FAUZAN

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

(Tanda tangan pelajar)

Tarikh 24 Disember 2024

(Tanda tangan penyelia)

Nama:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Syukur kepada ke hadrat ilahi dan juga keberkatan-Nya, saya dapat juga menyiapkan kajian yang saya kaji ini pada alam ijazah sarjana muda di universiti ini. Mulanya, saya ingin menyampaikan perasaan terima kasih yang banyak kepada Puan Athmar binti Hashim yang sentiasa menolong dan juga memberi kata-kata semangat bagi untuk menyiapkan kajian yang saya lakukan ini. Bukan itu sahaja, dengan segala hormatnya, beliau juga membantu saya dalam membimbing dan menunjuk ajar akan bagaimana cara penghasilan kajian ini berlangsung walaupun mempunyai kehadiran masa dan waktu.

Begitu juga, tidak dilupakan jasa baik ahli keluarga dan juga rakan-rakan yang kuat membantu saya dalam penghasilan kerja yang dilakukan ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang teramat kepada ibu saya iaitu Zaliah binti Sopian @ Surip yang sentiasa tidak berputus doa untuk mendoakan diri saya dan juga memberi ayat penyuntikan semangat yang menjadi asbab saya melakukan kajian ini lebih baik. Rakan saya khususnya rakan yang turut menolong saya dalam penghasilan kajian ini juga turut saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kerana sanggup berhujan panas demi saya dalam menyiapkan tugas ini yang bertajuk Analisis Komprehensif Ragam Hias Seni Bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Rantau Panjang, Kelantan: Elemen Estetika Dalam Konteks Budaya

Sebagai penutup kata saya dalam penghasilan kajian ini, dengan adanya bantuan dari semua yang membantu dalam pelaksanaan kajian ini, dapat dihasilkan dengan baik. Saya harap, agar Tuhan yang Maha Esa dapat membalas segala jasa baik yang pernah membantu saya dalam penghasilan kajian ini. Sebagai tambahan, ketabahan dan doa yang tak henti-hentinya, saya berhasil menyempurnakan kerja yang dikaji ini dengan rasa berjaya. Jazakallahu Khairan.

Nurfasihah Afiqah Binti Mohamed Fauzan
C20A1311
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

PERAKUAN TESIS.....	I
PENGHARGAAN.....	II
ISI KANDUNGAN.....	III
SENARAI RAJAH.....	VI
ABSTRAK.....	VIII
ABSTRACT.....	IX
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	5
1.3 Permasalahan Kajian.....	7
1.3.1 Kehambatan Dalam Mengetahui Latar Belakang Dan Pengaruh Budaya Dalam Ragam Hias Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	7
1.3.2 Kesulitan Memahami Prinsip Estetika Dalam Ragam Hias Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	7
1.3.3 Tindakan Proses Pemeliharaan serta Pemuliharaan Ragam Hias Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra Sebagai Warisan Budaya.....	7
1.4 Persoalan Kajian.....	8
1.4.1 Bagaimanakah rekaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra boleh diiktiraf dan diteliti dari segi pengaruh dan asal usul budayanya?.....	8
1.4.2 Apakah konsep estetik yang diterapkan pada hiasan seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, dan bagaimana idea ini mempengaruhi susun atur dan fungsi masjid?.....	8
1.4.3 Bagaimanakah rancangan dan program boleh diwujudkan dan dilaksanakan bagi memastikan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dipelihara dan dipulihara sebagai warisan budaya?	8
1.5 Objektif Kajian.....	9
1.5.1 Meneliti asal usul serta pengaruhnya dalam menyumbang kepada ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	9

1.5.2	Menganalisis prinsip estetik yang digunakan dalam ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan menilai kesannya terhadap reka bentuk dan fungsi masjid.....	9
1.5.3	Membangunkan strategi dan inisiatif untuk proses pemuliharaan serta pemeliharaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra sebagai warisan kebudayaan.	9
1.6	Skop Kajian.....	10
1.7	Lokasi Kajian.....	11
1.8	Kepentingan Kajian.....	13
1.9	Huraian Bab.....	14
1.10	Rumusan Bab.....	15
BAB 2: KAJIAN LITERATUR.....		16
2.1	Pendahuluan.....	16
2.2	Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Rantau Panjang, Kelantan.....	16
2.3	Variasi Keragaman Hias Melalui Seni Arkitek Masjid.....	17
2.4	Unsur Estetika dan Pengaruh Budaya Dalam Konteks Seni Arkitek Masjid.....	18
2.5	Isu Seni Arkitek Masjid.....	20
2.6	Kerangka Konseptual.....	21
2.7	Rumusan Bab.....	21
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN.....		23
3.1	Pendahuluan.....	23
3.2	Kaedah Kajian.....	23
3.3	Sampel Kajian.....	23
3.4	Teknik Pengumpulan Data.....	24
3.5	Alat Pengumpulan Data.....	24
3.6	Teknik Analisis Data.....	25
3.6.1	Temu Bual.....	25

3.6.2	Kajian Kepustakaan.....	25
3.6.3	Pemerhatian.....	26
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan.....	26
3.8	Etika Kajian.....	26
3.9	Rumusan Bab.....	27
BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.....		28
4.1	Pendahuluan.....	28
4.2	Asal-usul serta pengaruhnya dalam menyumbang kepada ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	30
4.3	Prinsip estetika yang diterapkan dalam hiasan seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan nilainya dalam mempengaruhi fungsi serta susun atur masjid.....	38
4.4	Strategi dan inisiatif untuk proses pemuliharaan serta pemeliharaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra sebagai warisan kebudayaan.....	44
4.5	Rumusan Data.....	47
BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN.....		48
5.1	Pendahuluan.....	48
5.2	Kesimpulan.....	48
5.3	Kesan Kajian.....	49
5.5	Ringkasan.....	50
RUJUKAN.....		51
GLOSARI.....		55
INDEKS.....		57

SENARAI RAJAH

RAJAH	PERKARA	HALAMAN
Rajah 1.1	Peta Negeri Kelantan.....	11
Rajah 1.2	Peta Jalan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	12
Rajah 2.1	Rangka Konseptual dalam kajian yang dilakukan.....	21
Rajah 4.1	Ornamentasi bunga teratai pada atap Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	30
Rajah 4.2	Ornamentasi bunga teratai pada atap Kuil Shaolin di Henan, China.....	31
Rajah 4.3	Gaya atap Xie-shan pada Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	32
Rajah 4.4	Gaya atap Xie-shan pada bangunan Tian'anmen di Dongcheng, China.....	33
Rajah 4.5	Corak penggunaan geometri pada ragam hias di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	33
Rajah 4.6	Corak penggunaan geometri pada ragam hias di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	34
Rajah 4.7	Corak penggunaan geometri pada ragam hias di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.....	34
Rajah 4.8	Kegunaan corak geometri pada bingkai bangunan Old Town Yuyuan Bazaar di Shanghai, China.....	35
Rajah 4.9	Gaya pendakap Dougong di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra	36
Rajah 4.10	Gaya pendakap Dougong di Kuil Jinci, di Shanxi, China.....	37
Rajah 4.11	Penggunaan prinsip proporsi dalam ruangan masjid.....	38
Rajah 4.12	Warna dan corak yang menghasilkan prinsip kesatuan.....	39
Rajah 4.13	Irama dalam penggunaan rekabentuk.....	40
Rajah 4.14	Kedudukan objek dalam keadaan seimbang yang simetri.....	41
Rajah 4.15	Bentuk gaya dalam keadaan yang tidak simetri.....	42
Rajah 4.16	Menara masjid yang menggunakan prinsip dominasi.....	43

Rajah 4.17	Atap yang digunakan dalam pembinaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.	45
Rajah 4.18	Informasi tentang Pengenalan Masjid Terawal.....	45
Rajah 4.19	Informasi tentang Pelan Masjid.....	46
Rajah 4.20	Informasi tentang Maklumat Projek	46

[Click here to enter text.](#)



**KAJIAN PENYELIDIKAN ANALISIS KOMPREHENSIF RAGAM HIAS SENI BINA
MASJID JUBLI PERAK SULTAN ISMAIL PETRA, RANTAU PANJANG, KELANTAN:
KAJIAN PENGARUH BUDAYA MELALUI ESTETIKA**

ABSTRAK

Cenderung kepada konsep Melayu Islam kerana pembinaan masjid di Malaysia kebanyakannya masih berasaskan konsep Melayu. Oleh sebab itu, masjid yang menggunakan seni bina Melayu dianggap lebih unggul berbanding masjid yang mempunyai pengaruh seni bina luar. Tajuk kajian iaitu kajian estetika pengaruh budaya adalah kajian terhadap analisis menyeluruh terhadap hiasan seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra di Rantau Panjang, Kelantan. Tiga matlamat penyelidikan digunakan sebagai rangka kerja untuk penyiasatan ini. Mengkaji konteks sejarah dan faktor budaya yang membentuk hiasan masjid ini, menganalisis piawaian estetik yang membimbingnya, dan menilai kesannya adalah beberapa matlamat. Oleh kerana pembinaan masjid di Malaysia sebahagian besarnya masih berlandaskan fahaman Melayu, ia cenderung bersifat Islamik. Akibatnya, masjid yang menggabungkan seni bina Melayu dianggap lebih unggul daripada masjid yang menggabungkan pengaruh seni bina yang lain. Kertas kerja itu bertajuk "Kajian Estetika Pengaruh Budaya," dan ia meneliti hiasan seni bina Masjid Beijing di Rantau Panjang, Kelantan, dengan terperinci. Struktur untuk penyiasatan ini terdiri daripada tiga objektif kajian. Beberapa objektif termasuk menyiasat kriteria estetik yang mengawal hiasan Masjid Beijing, mengkaji latar belakang sejarah dan unsur budaya yang mempengaruhinya, dan menentukan kesannya

**RESEARCH STUDY OF COMPREHENSIVE ANALYSIS OF ARCHITECTURAL
DECORATIVE ART OF JUBLI PERAK SULTAN ISMAIL PETRA MOSQUE,
RANTAU PANJANG, KELANTAN: STUDY OF CULTURAL INFLUENCE THROUGH
AESTHETICS**

ABSTRACT

The architecture of mosques in Malaysia is mostly still using the Malay concept which causes it to tend to the Islamic Malay concept. This causes mosques that have external architectural influences to be considered not as good as mosques that use Malay architecture. The title of this study is a study on a comprehensive analysis of architectural decorative art of Jubli Perak Sultan Ismail Petra Mosque, Rantau Panjang, Kelantan which is a study of the aesthetics of cultural influence. There are three research objectives that serve as a guide for this study. Among the objectives is to study the origins and cultural influences behind the architectural ornamentation of the Beijing Mosque, analyze the aesthetic principles used in the architectural ornamentation of the Beijing Mosque and examine its influence on the design and function of the mosque and the third is to propose strategies and initiatives preservation and conservation of Beijing Mosque decoration as cultural heritage. The research methodology used can help the researcher to get reliable and authentic data. The purpose of this study is to be used as a reference material for students so that they can acquire new knowledge or learn. Not only that, it is used as a guide for schools, students, communities and educational institutions to analyze the way of preservation and conservation, cultural influence and aesthetic principles in the study of the architectural ornamentation of this mosque which is used to take care of those with high historical value so that they remain more old. For another purpose, it can be used as a teaching material for teachers so that they can give early exposure to students about how to take good care of heritage objects to last longer.

KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Negeri Cik Siti Wan Kembang atau dikenali sebagai negeri Kelantan merupakan negeri yang kaya dengan warisan kultural yang tinggi yang terdapat di negara kita. Ia juga merupakan salah satu sumbangan yang besar kepada negara kita kerana Nik Hassan Suhaimi (1986) negeri Kelantan ini merupakan negeri yang tertua kerana banyak teori yang menyumbang daripada pendapat beliau di mana ia menyatakan bahawa kerajaan Srivijaya I ini telah wujud dan perkara ini juga diakui oleh Dr. Meons selepas tanggapan ini dinyatakan daripada Dr. Amir Hussien dan juga daripada Dr. Mohammad Yamin.

Negeri ini juga dinobatkan sebagai negeri yang kaya dengan nilai ketradisi yang masih kekal seperti Rumah Tiang Dua Belas yang sampai sekarang masih belanjutan dalam penggunaan rumah ini bagi rakyat di sana. Coraknya yang menarik dan unik ini menggunakan motif flora dan juga seni tulisan yang estetik yang menunjukkan ciri rumah tersebut semakin indah dan juga memukau perhatian irang ramai. Konsepnya ini sama sahaja dengan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra yang ciri masjid itu mempunyai motif dan juga reka bentuknya yang berbeza yang mampu menarik perhatian pelancong luar atau masyarakat di sekitar sana ketika berada di Rantau Panjang, Kelantan.

1.1.2 Latar Belakang Konstruksi Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra

Masjid yang ditubuhkan ini adalah salah satu masjid yang direka dengan gandingan ciri-ciri pembinaan islam dan juga cina. Masjid yang dijadikan contoh dalam penubuhan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra ini adalah Masjid Niujie yang terletak di Beijing, China. Sejarah masjid ini adalah telah dibina semasa Zaman Dinasti Liao yang ditubuhkan oleh dua insan yang berdarah Arab pada tahun 996 Masihi. Menurut Hafizan (2018), pembinaan Masjid Niujie ini hanya membenarkan pembinaan dalam reka bentuk asalan China. Akan tetapi, penggunaan kaligrafi bahasa Arab dibenarkan. Masjid daripada Beijing ini dibangunkan kembali ketika tahun 1442 dan juga pada tahun 1969. Dengan inisiatif rakyat di sana, mereka telah membesarkan

kawasan masjid ini pada zaman Dinasti Qing dan ini menjadikan masjid ini merupakan masjid yang terbesar di kawasan Utara China. Sebanyak 3 kali renovasi masjid ini dilakukan antaranya pada tahun 1955, tahun 1979 dan tahun 1996 (Hafizan, 2018). Inisiatif ini adalah untuk menjadikan masjid tersebut akan sentiasa dalam keadaan yang kukuh dan juga teguh serta puas supaya tidak berlaku sebarang masalah yang menyebabkan terjejas nya keistimewaan nilai tradisi Masjid Niujie ini.

Tujuan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra ini dibina adalah sebagai simbol keakraban yang mencerminkan hubungan baik dan juga keharmonian dalam komuniti Islam dan masyarakat Cina di negeri Darul Naim tersebut yang dapat dilihat dalam penyusunan rekaan masjid yang terhasil ini adalah kombinasi campuran seni Islam dan juga seni Cina menurut Aziz (2013), Zakaria dan Harun (2006).

Masjid Beijing dibuka pada 2005 dengan niat untuk mengeratkan lagi hubungan mesra antara masyarakat Cina dan Islam di Kelantan, seperti yang disebut oleh Aziz (2013). Reka bentuk masjid ini, seperti yang diutarakan oleh Zakaria dan Harun (2006), mencerminkan keharmonian. interaksi antara dua budaya dengan mengharmonikan seni bina Islam dan Cina. Peranan masjid yang diadakan ini bukan sahaja tempat untuk menunaikan ibadah, tetapi juga sebagai salah satu pusat pengajian agama bagi komuniti rakyat tempatan.

1.1.3 Konsep Khusus

Masjid yang dikenali sebagai Masjid Beijing ini dibangunkan pembinaannya pada 12 September, 2005 dan masjid ini secara rasmi berjalan secara langsung pada tahun 2009 ketika bulan Ogos. Melalui pandangan oleh Ibn Manzur (1940) iaitu salah seorang ahli leksikografi menyatakan masjid ini diambil daripada kata asal "*Sajada*" yang membawa maksud kepada merendahkan atau menyembah Tuhan Yang Maha Esa iaitu Allah Subhanhu wa ta'ala (وَسُبْحَانَہُ تَعَالَى). Ia juga diambil kira daripada ayat "*Yasjudu*" dan "*Sujud*". Melalui kata jama' masjid ini merupakan tempat suci di mana juga dahi seseorang itu haruslah terkena pada tempat sujud menurut Muhammad Idris Abd al-Rauf Al Marbawi (1350H). Bukan itu sahaja, maksud masjid ini dari segi keseluruhannya adalah tempat di mana umat islam untuk menunaikan solat secara

berjemaah iaitu solat Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Menurut firman Allah Subhanhu wa ta'ala (تَعَالَى وَ سُبْحَانَهُ) yang dinyatakan dalam Surah Al-Jinn ayat ke 18 menyatakan:

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ۝١٨

Tafsiran: "Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapapun bersama-sama Allah"

Pusat ibadah ini adalah salah satu badan usaha yang amat penting dalam peningkatan kekuatan ukhwa masyarakat umat islam antara sesama sendiri kerana ia banyak memberi kebaikan serta kelebihan yang positif kepada masyarakat di sana. Menurut Choliz Akbar (2011) dalam sumber informasi berita digital menyatakan segelintir masyarakat kini kurang menerima penggunaan berunsurkan motif luar kerana ianya telah mengubah ciri reka bentuk tradisi masyarakat melayu sebagai contoh penggunaan motif daripada masyarakat cina. Walaupun begitu, pendapat tersebut telah di dibantah kerana agama Islam itu tidak mengira sesuatu kaum atau bangsa menurut Tok Guru di Kelantan sana. Sesiapa sahaja yang berbeza bangsa atau etnik boleh sahaja memasuki agama Islam. Perkara yang menjadi keutamaannya adalah mereka yang yakin akan kewujudan Allah Subhanhu wa ta'ala (تَعَالَى وَ سُبْحَانَهُ) seperti dinyatakan dalam Surah Al-Ikhlâs (1-4):

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝١

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad):*

"(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa;

اللَّهُ الصَّمَدُ ۝٢

Terjemahan: *"Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat;*

لَمْ يَكِدْ وَلَمْ يُؤَلِّدْ ۝۳

Terjemahan: *"Ia tiada beranak, dan Ia pula tidak diperanakkan;*

وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝۴

Terjemahan: *"Dan tidak ada sesiapaupun yang serupa denganNya".*

Maksud ragam hias ialah pengolahan seni yang amat cermat untuk dijadikan sebagai salah satu karya yang dapat membentuk serta menghasilkan pola dan juga motif yang beragam. Pola atau dikenali sebagai corak adalah penyusunan ornamen secara tersusun dan juga bebas yang kebanyakannya dapat dilihat dalam keindahan landskap alam atau daripada produk hasilan manusia. Corak dibahagikan kepada dua jenis iaitu terancang dan tidak terancang. Dalam penghasilan corak terancang, ia menggunakan motif yang telah disusun atur atau mempunyai susunan yang teratur dalam penghasilan corak. Melalui tidak terancang pula, ia dilakukan secara bebas tanpa mempunyai motif yang ditentukan (Hamparan Seni, 2017)

Penelitian terhadap kajian ini memiliki relevansi yang amat baik dari segi konteks keragaman budaya dan juga agama di di Malaysia. Hal ini demikian kerana, rakyat di dalam negara ini mempunyai gabungan kaum, agama serta bangsa yang pelbagai yang tetap menjalani kehidupan secara bersama-sama. Menurut Ismail (2015), Zakaria dan Harun (2016), kajian tentang kebudayaan warisan yang pelbagai ini amatlah penting dari segi pemahaman nilai-nilai sejarah serta kaitannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penghasilan ragam hias seni bina yang menarik serta cantik ini mampu untuk tarik pandangan orang yang menganggap hiasan tersebut menarik kerana perkara ini dapat membantu orang luar untuk pergi ke sesebuah kawasan tersebut. Penghasilan daripada kombinasi seni bina yang berbeza dapat menonjolkan ciri hiasan yang amat menarik pada perspektif mata seseorang. Perkara ini telah lama diimplementasikan masa pemerintahan penjajah lagi di negara kita. Sebagai contoh gaya gabungan antara elemen seni bina Islam dan juga classical Barat seperti pembinaan Masjid Ubudiah, Kuala Selangor, Perak (1912)

Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra merupakan salah satu ruang yang suci yang digunakan untuk menunaikan ibadah sekitar tahun 2005 iaitu pada 12 September, Rantau Panjang, Kelantan terutamanya untuk umat islam. Dikatakan bahawa penubuhan masjid adalah kerjasama antara Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) yang merupakan ahli tenaga yang pakar dalam kalangan masyarakat Cina Muslim. Bangunan utama yang merupakan komponen yang terbesar mempunyai 2 tingkat di mana tingkat atas ini khususnya adalah untuk dijadikan sebagai ruang sembahyang utama yang boleh menempatkan seramai 1000 jemaah pada satu masa yang sama. Di antara bangunan utama masjid dan anjung utama terdapat ruang yang terbuka boleh juga digunakan sebagai ruang untuk sembahyang jika keadaan memerlukan penggunaannya.

Manakala tingkat bawah mengandungi ruang sokongan untuk meletakkan beberapa ruang fasilitator yang baik untuk kegunaan orang ramai. Di bahagian ini terdapat Dewan Makan, Dewan Serbaguna, Klinik dan juga Pejabat Masjid. Dalam ruangan Dewan Serbaguna ini dapat memuatkan 200 orang. Tambahan pula, antara fasilitas yang dilakukan juga adalah, mereka telah menyediakan ruang tadika dan juga bilik sewa bagi orang-orang yang memerlukannya. Kelas yang dihasilkan ini dapat memenuhi seramai 30 orang. Melihat daripada bagaimana masjid ini diuruskan, dapat kita ketahui bahwa masjid ini menyeimbangkan kejaran dunia dan akhirat secara serentak.

Masjid yang dihasilkan ini masih menunjukkan bahawa ianya berfungsi dengan baik kerana masih lagi jemaah yang datang ke sini untuk melakukan ibadah solat terutamanya. Pada masa yang sam juga mereka juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama insan.

Seperti yang telah diterakan, masjid ini mempunyai konsep reka bentuk yang lain daripada masjid yang berada di negara kita. Ini kerana, masjid di negara kita masih lagi mengutamakan konsep ciri rekabentuk Melayu itu merupakan agama Islam. Masyarakat sepatutnya lebih luaskan lagi pemahaman dalam bidang rekabentuk ini supaya tidak berfikiran sempit dan bercakap kosong sedangkan fakta yang dikatakan itu adalah salah. Bukan itu juga, Islam juga terima setiap umat walaupun berbeza kaum serta bangsa yang ingin mengamalkan agam ini. Melihat keadaan masjidnya yang masih utuh dan kuat, dapat dijangka masjid ini akan bertahan dengan lamanya oleh itu, proses pemuliharaan dan juga pemeliharaan ini diambil berat oleh setiap orang sama ada dari segi komuniti masjid atau mereka yang bertanggungjawab supaya dapat dilestarikan sehingga perubahan zaman moden berlaku.

1.3 Permasalahan Kajian

1.3.1 Kehambatan Dalam Mengetahui Latar Belakang Dan Pengaruh Budaya Dalam Ragam Hias Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

Tahap pengetahuan terhadap perkara ini amat sedikit menyebabkan ianya terbatas bagi mereka yang ingin mengetahui tentang latar belakang dan juga pengaruh budaya yang merupakan menjadi dasar pada ragam seni hias Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Permasalahan kajian yang di kenal pasti ini merupakan perkara yang penting agar seluruh masyarakat dapat mengerti budaya dan juga asal usul. Tambahan pula, pengkaji di luar sana dapat memperoleh fakta baharu ketika mereka ingin mengetahui tentang keadaan masjid ini (Harun dan Zakaria, 2016).

1.3.2 Kesulitan Memahami Prinsip Estetika Dalam Ragam Hias Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

Keindahan reka bentuk yang estetik adalah unsur yang menjadikan ragam hias seni ini akan menjadi lebih menarik kerana setiap rekabentuk yang terhasil mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Walaupun begitu, penggunaan prinsip estetika ini kurang diketahui dalam penggunaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Oleh itu, melalui perkara ini adalah untuk menyelidik dan juga mengupas penggunaan prinsip yang menjadi dasar ragam hias masjid. (Ismail, 2015).

1.3.3 Tindakan Proses Pemeliharaan serta Pemuliharaan Ragam Hias Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra Sebagai Warisan Budaya.

Proses untuk menjadikan masjid ini sentiasa dalam keadaan yang baik dan juga untuk menjaga kelestariannya merupakan salah satu isu utama khususnya dalam kelangsungan tradisi warisan dan juga kriteria estetika yang terkandung dalam keragaman hiasan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Dengan itu, dapat membantu dalam membantu memperoleh cara yang mujarab untuk melaksanakan proses pemeliharaan dan pemuliharaan seni rekabentuk hias masjid ini. (Aziz, 2013)

1.4 Persoalan Kajian

Tiga pertanyaan yang telah diklasifikasikan dalam penglibatan diri melalui penyelidikan yang dijalankan ini ialah:

1.4.1 Bagaimanakah rekaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra boleh diiktiraf dan diteliti dari segi pengaruh dan asal usul budayanya?

1.4.2 Apakah konsep estetik yang diterapkan pada hiasan seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, dan bagaimana idea ini mempengaruhi susun atur dan fungsi masjid?

1.4.3 Bagaimanakah rancangan dan program boleh diwujudkan dan dilaksanakan bagi memastikan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dipelihara dan dipulihara sebagai warisan budaya?

1.5 Objektif Kajian

Tiga tujuan objektif yang telah diklasifikasikan dalam penglibatan diri melalui penyelidikan yang dijalankan ini ialah:

1.5.1 Meneliti asal usul serta pengaruhnya dalam menyumbang kepada ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

1.5.2 Menganalisis prinsip estetik yang digunakan dalam ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan menilai kesannya terhadap reka bentuk dan fungsi masjid.

1.5.3 Membangunkan strategi dan inisiatif untuk proses pemuliharaan serta pemeliharaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra sebagai warisan kebudayaan.

1.6 Skop Kajian

Skop penyelidikan yang telah dijalankan ini adalah dijalankan di Rantau Panjang, Kelantan iaitu di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra yang bertujuan untuk menyelidik serta meneliti keragaman hiasan masjid ini, reka bentuk masjid dan juga kronologi sejarah yang mempengaruhi budaya masyarakat yang mempunyai kaitan dengan masjid tersebut. Perkara ini juga telah menyertakan dengan ciri-ciri prinsip estetika yang telah digunakan dalam pembinaan motif atau hiasan rekabentuk yang dapat membawa faktor kepada fungsi masjid tersebut serta keunikan reka bentuk.


Bukan setakat itu, ianya juga adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang bagaimanakah masjid ini mempunyai pengaruh daripada negara luar dalam penghasilan masjid ini sama ada dari segi sejarahnya, ke-tradisinya dan juga melalui ke-nilaiannya. Boleh juga mengenal pasti proses inisiatif dalam proses pemuliharaan dan juga pemeliharaan serta langkah yang boleh diterapkan dalam penjagaan nilai tradisi yang berada dalam seni hiasan itu.

Data kajian yang digunakan dalam penghasilan kajian ini adalah menggunakan kajian metodologi kerana ianya mempunyai kaitan dengan penyelidikan primer serta sekunder iaitu temu bual, turun ke kawasan kajian lapangan, dan pencarian sumber yang sahih seperti jurnal atau artikel yang mempunyai kaitan dengan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7 Lokasi Kajian


Kelantan merupakan Negeri Pantai Timur yang popular dengan pelbagai khazanah warisan negara dan juga salah sebuah negeri di Malaysia yang bersempadan dengan negara Thailand. Mempunyai banyak bandar utama yang merupakan pusat pemerhatian orang ramai ketika melancong antaranya ialah Kota Bharu, Gua Musang dan juga Rantau Panjang melalui rajah 1.1. Menurut Zuliskandar Ramli (2019), negeri ini banyak bukti peninggalan warisan kebudayaan yang merupakan tapak arkeologi pada zaman prasejarah dan protosejarah yang signifikan seperti Gua Cha dan juga Gua Chawas. Ini menunjukkan negeri ini merupakan negeri tertua di kawasan Semenanjung Malaysia.



Rajah 1.1 Peta Negeri Kelantan

Sumber: Laman Web Google Maps

Masjid yang ingin dikaji ini adalah berada di Rantau Panjang, Kelantan. Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra ini merupakan masjid yang mendorong pengkaji untuk datang ke daerah Rantau Panjang tersebut seperti yang tertera pada rajah 1.2. Penggunaan masjid ini adalah untuk mereka yang menerapkan Islam sebagai agama induk mereka sama ada dalam menunaikan solat, mendengar ceramah atau menjalankan aktiviti yang dilakukan oleh komuniti masjid itu sendiri. Masjid ini telah dikatakan dibina kerana untuk menunjukkan tanda persahabatan seperti yang dikatakan oleh Persatuan Cina Muslim Malaysia.



Rajah 1.2: Peta Jalan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra

Sumber: Laman Web Google Maps

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 Kepentingan Kajian

Penghasilan kajian ini dilakukan untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat tentang pentingnya pengetahuan asal dan usul serta budaya yang telah mempengaruhi seni rekabentuk Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Rantau Panjang, Kelantan. Tambahan pula, kajian ini juga adalah untuk menunjukkan betapa relevannya untuk memahami prinsip estetika yang sudah pun diterapkan penggunaannya dalam ragam seni bina hiasan yang dikaji ini dan pengaruhnya dalam kefungsi masjid. Susulan akhir, melalui kajian ini juga dapat menyatakan pelbagai pendekatan dalam proses pemuliharaan dan juga pemeliharaan seni hiasan masjid tersebut sebagai salah satu induk warisan budaya.

Kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan sebagai salah satu bahan sahih untuk dirujuk kepada pelajar supaya mereka dapat mengetahui ilmu yang pelbagai ketika belajar. Selain itu, kepentingan yang lain yang boleh diperolehi adalah boleh juga digunakan sebagai langkah dalam panduan untuk para pelajar, masyarakat dan juga negara. Akhir sekali, dapat dijadikan bahan buku ilmiah bagi tenaga pengajar terutamanya supaya mereka dapat mendedahkan cara untuk melestarikan nilai atau barangan warisan supaya dapat dikekalkan walaupun berlaku peredaran zaman yang pesat.

1.9 Huraian bab

1.9.1 Bab 1: Pendahuluan

Melalui daripada bahagian bab ini, pengkaji telah menggunakan permasalahan kajian sebagai salah satu landasan dalam merumuskan atau mengetahui objektif kajian dan juga persoalan kajian yang mempunyai kaitan dengan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra di Rantau Panjang, Kelantan. Seterusnya, penerangan terhadap lokasi yang dikaji ini telah melibatkan peta sebagai salah satu panduan visual untuk membantu para pembaca dalam memahami di manakah kedudukan geografi kawasan yang dikaji tersebut. Pengkaji berharap bahawa kajian yang dihasilkan ini bukan sahaja memberi kontribusi saintifik terhadap pemahaman akan asal dan usul corak dalam seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra akan tetapi dapat juga meningkatkan kesedaran kepada masyarakat seluruh negara tentang bagaimana pentingnya bentuk dan impaknya kepada masjid ini. Tambahan pula, langkah pendekatan pemuliharaan dan pemeliharaan diguna pakai untuk menjaga kelestarian hias seni bina sebagai sebahagian daripada nilai warisan tradisi.

1.9.2 Bab 2: Kajian Literatur

Pengkaji memberikan maklumat tambahan dalam bab ini berkaitan pembinaan masjid dan bagaimana komponennya digunakan dalam kehidupan seharian komuniti di situ. Tambahan pula, berdasarkan sumber yang boleh dipercayai, penyelidik telah menemui banyak kelemahan dalam kajian terdahulu yang menimbulkan keraguan yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk pengkaji. Bagi membantu memahami konteks yang hendak dikaji, pengkaji juga telah mencari makna sesuatu perkataan itu dengan lebih terperinci.

1.9.3 Bab 3: Metodologi Kajian

Fokus pengkaji dalam bab ini adalah kajian mengenai teknik yang boleh diaplikasikan untuk mendapatkan data yang tepat untuk tujuan kajian. Penjelasan yang lebih terperinci tentang kaedah kualitatif yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini boleh didapati dalam penulisan bab 3. Selain itu, pengkaji telah mendedahkan instrumen dan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data. Boleh juga dikatakan penyelidik mesti mengikut garis panduan etika dan memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan semasa mengumpul sebarang data..

1.10 Rumusan Bab

Secara amnya, matlamat pengkaji dalam melaksanakan kajian ini adalah untuk menyiasat dengan lebih mendalam lagi terhadap nilai-nilai estetika yang terlibat dalam pembinaan masjid yang menampilkan kepelbagaian hiasan seni bina yang unik. Bukan itu juga, pengkaji juga telah membuat pemerhatian untuk mengenal pasti sebarang isu dan seterusnya dapat mencapai matlamat kajian. Perkara ini boleh menyebabkan pengkaji untuk mengetahui strategi dalam pembaikpulihan yang lebih bagus dan dijamin boleh dilakukan tanpa berlaku halangan yang besar.



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Melalui kajian bab 2, pengkaji telah memfokuskan bahawa bahagian ini dapat membantu dalam memberi satu gambaran dalam kajiannya. Kepelbagaian hiasan seni bina yang digunakan dalam pembinaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra merupakan sumber inspirasi utama untuk kajian ini dilakukan. Kajian yang dihasilkan ini dilakukan selepas menentukan apa yang diperlukan untuk melengkapkan kajian ini. Pelbagai jenis hiasan seni bina akan dikaji dengan teliti dalam bab ini. Pengkaji berasa bahawa bab 2 ini amat membantu kajian yang dijalankan ini untuk mendapatkan data yang sahih supaya tidak keliru.

2.2 Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Rantau Panjang, Kelantan

Maksud masjid menurut Sidi Gazalba (1957) ia merupakan “*sajd*” iaitu *Sujud*. Sujud pula membawa maksud kepada berlutut sambil meletakkan dahi ke atas lantai ketika melakukan ibadah sembahyang atau solat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Ini menunjukkan penghormatan seorang hamba kepada Allah Subhanhu wa ta’ala (تَعَالَى وَ سُبْحَانَهُ). Ayat ini telah terkandung dalam surah As-Sajadah iaitu ayat ke 15:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا الَّذِينَ إِذَا ذُكِرُوا بِهَا حَمَزُوا سَجْدًا وَ سَبَّحُوا
بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَ هُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ﴿١٥﴾

Terjemahan: *Orang-orang yang beriman dengan ayat-ayat Kami, hanyalah orang-orang yang apabila diperingatkan dengannya (ayat-ayat Kami), mereka menyungkur sujud dan bertasbih serta memuji Tuhannya, dan mereka tidak menyombongkan diri.*

Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dipilih kerana mempunyai unsur-unsur reka bentuk daripada negara China. Merupakan masjid yang dikatakan telah mengikut gaya pembinaan reka bentuk daripada Masjid Niujie, di Beijing, China. Telah dibina pada tahun 2005

sebagai tanda ikatan ukhwaah antara masyarakat untuk kaum Cina dan mereka yang beragama Islam. Perkara ini telah mewujudkan hubungan yang erat sesama umat walaupun berbeza pemahaman dan juga agama.

Keunikan dalam penghasilan pembinaan masjid ini telah pun menarik perhatian orang ramai untuk mengunjungi ke masjid ini. Melihat daripada mata kasar, reka bentuk masjid ini seakan tokong serta kuil kerana bentuk atapnya yang tirus ke atas pada bahagian hujung atap. Bukan itu sahaja, Daya tarikan sebenar pada masjid ini adalah menara masjidnya yang mempunyai 99 nama Allah dengan lilitan serban yang berwarna perak dengan sokong ukiran Mukarnas sempena Pemerintahan KDYMNN Sultan Ismail Petra. Telah dinyatakan bahawa masjid ini mempunyai dua bahagian yang utama. Pada tingkat atas, dapat memuatkan 1000 orang yang juga merupakan ruang untuk mengamalkan ibadah fardhu ain. Bagi tingkat bawah, pihak masjid menyediakan ruang untuk kegunaan orang awam seperti perpustakaan, dewan serbaguna dan juga tadika.

Selain itu juga, komuniti serta ahli jawatankuasa masjid ini sering mengadakan aktiviti yang menyebabkan faktor keeratan hubungan antara sesama Islam akan terjalin. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (وسلم عليه الله صلى) daripada Riwayat Bukhari dan Muslim:

"Sesiapa yang ingin agar rezekinya dimudahkan dan umurnya dipanjangkan, maka hendaklah dia menghubungkan silaturahim."

Oleh itu, inisiatif yang dilakukan oleh pihak masjid ini mereka telah mengadakan bacaan Surah Yasin bersama dan juga memasak bersama ketika musim Ramadan berlaku untuk disajikan supaya makan bersama

2.3 Variasi Keragaman Hias melalui Seni Arkitek Masjid

Ragam hias ialah pengolahan seni yang amat cermat untuk dijadikan sebagai salah satu karya yang dapat membentuk serta menghasilkan pola dan juga motif yang beragam. Pola atau dikenali sebagai corak adalah penyusunan ornamen secara tersusun dan juga bebas yang

kebanyakannya dapat dilihat dalam keindahan landskap alam atau daripada produk hasil manusia. Corak dibahagikan kepada dua jenis iaitu terancang dan tidak terancang. Dalam penghasilan corak terancang, ia menggunakan motif yang telah disusun atur atau mempunyai susunan yang teratur dalam penghasilan corak. Melalui tidak terancang pula, ia dilakukan secara bebas tanpa mempunyai motif yang ditentukan (Hamparan Seni, 2017)

Seni bina secara amnya ialah ditafsirkan sebagai rekaan hasil dalam sesebuah perkara terutamanya dalam pembinaan sesebuah bangunan. Definisi ini juga boleh dikategorikan sebagai seni dan bina. Menurut Lois Lamy al-Faruqi (1984) seni adalah perkataan Latin hanya memfokuskan dalam kerja tangan serta ukiran. Manakala menurut Kamus Dewan (2005) bina pula adalah salah satu ilmu merancang dan juga membentuk sesebuah bangunan. Apabila digabungkan, seni bina adalah sejarah seni bina sama ada tradisional atau moden yang berkaitan dengan faktor tipologi dengan menggunakan kaedah yang mekanikal yang masih berkaitan dengan konsep sesebuah ruang (Mohsen Motafavi dan David Leatherbarrow, 2003)

Melalui pandangan Islam terhadap seni bina ini iaitu Ibn Khaldun (1980), menyatakan seni bina ini merupakan mercu tanda kegemilangan dalam sesebuah bangsa serta negara dalam penulisan *Muqaddimah*nya. Manakala dalam pandangan Barat pula, sesuatu binaan yang telah diambil kira dalam faktor sosio budaya dalam sesebuah masyarakat dimana binaan yang telah diduduki oleh manusia lebih penting berbanding dengan aspek cuaca, bahan, teknologi dan ekonomi menurut Amos Rapoport (1979)

Dengan mempertimbangkan hasil pengamatan yang telah dilakukan, terdapat beberapa reka bentuk serta hiasan yang telah diterapkan yang menjadikan masjid tersebut istimewa sama ada rekaan bahagian luar dan juga dalam masjid. Dinyatakan juga bahawa ruang dalam masjid yang dijadikan sebagai kajian ini telah menggunakan ukiran geometri dan juga kaligrafi khat yang menggambar motif Islam menurut Nurnadiah Zulkipli (2011)

2.4 Unsur Estetika dan Pengaruh Kebudayaannya dalam konteks Seni Arkitek Masjid

Penggunaan ayat estetika diambil daripada kata pinjaman bahasa Inggeris iaitu 'aesthetic'. Menurut Interaction Design Foundation (2019) merupakan estetika merupakan prinsip reka bentuk yang mentakrifkan kualiti reka bentuk yang baik. Dari segi visual, estetika ini merangkumi faktor seperti penggunaan warna,imbangan, corak, dan juga seni bina. Ia juga merangkumi kelima-lima deria utama manusia yang dapat menimbulkan perasaan seseorang manusia. Bukan itu sahaja, ia juga merupakan kajian atau ilmu tentang keindahan terutamanya dalam jurusan kesenian. Louis Gottschalk (2000), pengaruh ini membawa makna kepada pembentukan pemikiran seseorang atau juga pemikiran masyarakat. Selain itu, pengaruh juga membawa makna kepada satu daya dan kekuatan yang dapat mempengaruhi perkara yang di sekelilingnya yang berada di alam semesta menurut Yosin (2012).

Menurut pandangan daripada Taylor (1974), beliau memberi pandangan bahawa budaya ini adalah satu keseluruhan yang mempunyai sifat kompleks. Pada masa yang sama, ia menyatakan budaya ini merupakan satu bidang yang luas yang melibatkan kegiatan insan. Menurut Robert Bierstedt (1938), budaya membawa maksud kepada keseluruhan kompleks yang terdiri daripada semua yang telah kita fikirkan dan lakukan sebagai salah seorang masyarakat majmuk di dalam negara

Pada era zaman moden yang pesat kini, kita sering di dedahkan bahawa pengaruh budaya dari dunia luar membawa ke arah kenegatifan dalam negara kita. Akan tetapi, perkara ini juga ini telah membawa kebaikan dalam pengaruh kebudayaan seperti gabungan reka bentuk negara luar dengan negara kita, Sebagai contoh yang terdekat adalah Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra di mana mereka telah menggunakan gabungan reka bentuk negara China. Ini menunjukkan bahawa masjid ini telah mempunyai ciri serta rekaan kualiti bentuknya yang tersendiri membuatkan masjid itu semakin menyerlah pada pandangan orang ramai dan juga keunikan identitinya tersendiri.

Kepada pelancong yang pertama kali datang ke Kelantan ini, pasti menyangka bahawa Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra ini adalah kuil yang telah ditubuhkan di Rantau Panjang. Hal ini tidak dinafikan bahawa, atap yang digunakan itu kerap sekali digunakan dalam penggunaan hasilan bangunan suci masyarakat yang berkaum Buddha. bumbung nya yang tirus di

bahagian hujung atap serta beralun dan juga motifnya yang jarang dilihat menyebabkan masjid yang ditubuhkan ini sangat unik. Menurut Khairudin Aljunied (2008), masjid ini unik kerana dibina di dalam kawasan negeri Melayu yang terkenal dengan konservatisme Melayu-Islam iaitu cenderung kepada amalan tradisi secara turun temurun. Ia juga dinyatakan oleh Farish A Noor, (2000) yang menyatakan pengaruh budaya terhadap masjid ini mencerminkan kebudayaan yang pelbagai.

2.5 Isu Seni Arkitek Masjid

Golongan Masjid Sino-Eklektik, yang dibina di Melaka mempunyai pengaruh seni bina yang ketara daripada reka bentuk asal Cina yang juga merupakan masjid tertua di Malaysia, menurut penyelidikan awal oleh M. Surat (2011). Ada dua jenis bumbung yang popular iaitu bumbung dua lapis dan bumbung tiga lapis. Sama seperti seni bina bangunan kuil Cina, masjid ini mempunyai gerbang serta pagar batu yang mengelilinginya.

Di samping itu, terdapat beberapa seni bina yang dihasilkan mempunyai pengaruh rekabentuk era Kolonial, yang pernah dijajah oleh penjajah British. Pembinaan berstruktur ini memperkenalkan dua gaya seni bina kolonial yang berbeza disebabkan hasil daripada pengambilan jurutera dan arkitek dari India dan England. India memperkenalkan gaya Mogul dan Eclecticism manakala England membawa gaya Neo-Classic, Gothic Revival, Moorish, dan Eclecticism. Masjid Zahir di Alor Setar (1912) merupakan salah satu contoh seni bina India yang mencontohi gaya masjid yang dibina pada zaman dinasti Mongol di India Utara.

Namun, perkara ini juga mempunyai masalah yang ditemui melalui kajian Nik Lukman Nik Ibrahim dan Kamarul Afizi Kosman (2007). Menurut mereka, pengaruh luar akan mewujudkan identiti seni bina baharu yang boleh membawa kepada hilangnya identiti seni bina masjid tradisional Malaysia. Bagaimanapun, masjid lain seperti Masjid Seremban, yang seni binanya menyerupai bumbung rumah biasa Negeri Sembilan masih lagi mengekalkan gaya seni bina tradisional ini.

2.6 Kerangka Konseptual

Menurut Camp (2001) kerangka konseptual adalah struktur yang, pada pendapat penyelidik, boleh memberikan ringkasan atau penjelasan tentang bagaimana peristiwa yang dikaji berkembang secara semula jadi. Bagi pendapat Miles dan Huberman (1994), kerangka konseptual ini dapat di bentuk daripada naratif dan juga gambaran yang boleh menunjukkan atau menggambarkan hubungan antara kajian yang ingin dikaji. Melihat daripada rajah 2.1. berikut merupakan antara cara untuk menghasilkan kerangka konseptual dalam carta alir. Ini menunjukkan bahawa setiap kajian yang dilakukan ini mempunyai data yang berkait.



Rajah 2.1 Rangka Konseptual dalam kajian yang dilakukan.

2.7 Rumusan Bab

Ringkasnya, kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa penggunaan seni bina luaran ini kurang dipersetujui penggunaannya kerana ia dipercayai mengakibatkan ciri seni bina tersendiri masjid itu hilang, yang berpotensi mengakibatkan kepupusannya. Tambahan pula, ada juga yang

sudah terbukti bahawa masjid-masjid lain juga telah menggunakan pelbagai hiasan seni bina luaran untuk penghasilan masjid yang unik serta menarik. Sebagai contoh, Masjid Zahir di Alor Setar (1912) dilaporkan mempunyai pengaruh seni bina India dengan mengambil inspirasi daripada masjid di India Utara. Fakta dan maklumat dalam kajian ini boleh dimantapkan lagi dengan menggunakan kajian daripada kajian lepa sebagai panduan data sahih.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Metodologi kajian merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk menjalankan kajian ke atas salah satu subjek yang tertentu dengan disiplin yang baik dan teratur menurut Sabitah Marisan (2009). Tujuan penggunaan metodologi adalah untuk menghasilkan kajian yang amat baik dengan kedapatan data yang sahih. Selain itu, ianya juga membantu dalam melancarkan pengkaji untuk memperoleh objektif kajian yang telah dicadangkan melalui kajian yang dikaji ini. Untuk mencapai objektif kajian yang dinyatakan, pengkaji haruslah menangani beberapa aspek penting iaitu rekabentuk kajian, sampel kajian dan juga kaedah pengumpulan data. Ia bertujuan untuk mengumpul maklumat dan data untuk menyokong matlamat kajian yang dikaji ini.

3.2 Kaedah Kajian

Melalui kajian yang dilakukan menurut Chua Yan Piaw (2006) pengkaji menggunakan kajian tinjauan sebagai salah satu kaedah kajian. Ia merupakan salah satu kaedah yang kerap digunakan khususnya bagi sains sosial. Kaedah ini boleh digunakan sebagai induk utama dalam melibatkan perbincangan sesuatu isu yang mempunyai kaitan dengan sampel, ukur dan juga proses data.

Kajian ini akan mengkaji kriteria estetik yang digunakan dalam hiasan seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan bagaimana ia mempengaruhi bentuk dan fungsi masjid. Seterusnya, tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang asal usul dan pengaruh budaya hiasan seni bina yang terdapat di dalam masjid. Selain itu, teknik dan langkah untuk pemeliharaan dan pemuliharaan hiasan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra sebagai warisan budaya akan dicadangkan.

3.3 Sampel Kajian

Sampel merupakan golongan yang akan dikaji melalui kaedah metodologi yang akan dijalankan. Antara kaedah yang akan dilakukan untuk mendapatkan data yang sahih adalah

dengan melakukan temu bual kepada ahli yang arif tentang pelaksanaan masjid ini, melakukan kaedah kepustakaan dimana mencari maklumat tambahan yang relevan sama ada di jurnal atau di dalam buku dan akhir sekali adalah dengan kaedah pemerhatian di mana pengkaji di sini akan memerhati bagaimana keadaan masjid tersebut.

Melihat daripada maksud sampel di atas, kawasan yang pengkaji akan kaji adalah di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Di sini, komuniti serta masyarakat setempat akan menggunakan masjid ini dengan sebaiknya sama ada bersembahyang atau mahu menenangkan diri dengan membaca Al-Quran. Masjid yang ditubuhkan ini berada di kawasan yang berdekatan dengan kedai yang memudahkan masyarakat di sini untuk bergerak.

3.4 Teknik Pengumpulan Data

Salah satu alat yang digunakan untuk menjadikan sesuatu projek atau usaha penyelidikan lebih mudah untuk disiapkan ialah dengan penggunaan instrumen kajian ini. Ia berfungsi sebagai asas untuk mendapatkan data yang diperlukan untuk memenuhi matlamat kajian. Kaedah kualitatif, yang merupakan salah satu strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat ini, dipaparkan dalam jadual 3.1, jadual metodologi.

Jadual 3.1: Metode dan Teknik Kajian

Kaedah	Instrumen
Kualitatif	Temubual, Kajian Kepustakaan dan Pemerhatian ,

3.5 Alat Pengumpulan Data

Untuk menghasilkan kajian yang bernas dan sahih ini, terdapat beberapa cara untuk mengumpulkan data supaya lebih akurat dan tepat. Ini adalah untuk memberi kepercayaan

kepada pembaca yang membaca kajian ini. Berikut merupakan peralatan yang digunakan dalam proses pengambilan data seperti rakaman suara orang yang di temu bual daripada alat rakaman, penggunaan buku, jurnal, surat khabar dan juga artikel dalam memperoleh bahan rujukan kajian dan juga kamera sebagai salah satu alat menangkap gambar yang berkaitan terhadap kajian tersebut.

3.6 Teknik Analisis Data

Teknik metodologi yang digunakan ialah data kualitatif. Dengan membahagikan data kepada bahagian yang boleh diurus, Bogdan dan Biklen (1982) mendakwa bahawa matlamatnya adalah untuk mengenal pasti corak, menentukan apa yang penting, dan menentukan apa yang perlu diajar untuk memberitahu orang lain. Sepanjang proses, analisis data telah dilakukan secara berterusan. Tiga urutan tugas yang membentuk perkara ini ialah saringan data, penyampaian data, dan penulisan kesimpulan. Kebolehpercayaan sumber ialah alat penting dalam mengukuhkan data yang telah dikumpul. Ini menambahkan kualiti dan juga kebolehpercayaan kepada data. Antara kaedah yang digunakan termasuk temu bual, kajian kepustakaan dan pemerhatian.

3.6.1 Temu bual

Menurut Robson (2002), temu bual adalah kaedah pengumpul data yang melibatkan aktiviti seorang pengkaji menyoal seseorang untuk mendapatkan respon atau data yang ingin diketahuinya. Drever (1995) mengkategorikan jenis temu bual iaitu temu bual formal, separa formal dan tidak formal. Dengan penggunaan kaedah ini, data yang diperoleh adalah sahih dan masih relevan. Sebagai contoh menemu bual dalam memperoleh data dalam sejarah serta pengaruh kebudayaan melalui seni hiasan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

3.6.2 Kajian Kepustakaan

Penyelidikan bibliografi ialah teknik yang digunakan oleh pengkaji untuk mengesan rekod dan kertas yang sedia ada bagi mencari data dan bukti menurut Mohd

Shaffie (1991). Penyelidik boleh mengumpul bukti yang kukuh untuk kerjanya melalui penyelidikan ini, menjadikannya lebih baik untuk digunakan dalam tesis, buku akademik, atau laporan. Sebagai contoh, mencari butiran lanjut untuk mengetahui tentang konteks sejarah dan pengaruh budaya reka bentuk seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

3.6.3 Pemerhatian

Menurut Hancock (1998) dan Noraini (2010), kaedah pemerhatian adalah kaedah yang bertujuan untuk menganalisis sekeliling dengan lebih baik. Menurut Creswell (2003), kaedah yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang nyata terhadap perkara yang ingin dikaji di kawasan lapangan. Proses pengamatan dan catatan pengkaji ini merupakan salah satu cara yang sistematik di mana pengkaji dapat memikirkan langkah atau kaedah proses pemuliharaan dan pemeliharaan seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra sebagai warisan kebudayaan.

3.7 Kebolehpercayaan dan Kesahan

Menurut Kerlinger (1986), pengkaji menggunakan kaedah ini sebagai salah satu teknik untuk menjalankan sesuatu pengukuran data bergantung kepada kebolehan data itu diperolehi. Kajian dengan skor kesahan yang tinggi menunjukkan bahawa kesimpulan yang dibuat daripada data atau fakta boleh memberikan sokongan yang boleh dipercayai untuk penemuan. Penggunaan instrumen ini adalah untuk membuat keputusan data tersebut terlihat relevan dengan tujuan kajian (Armstrong, 1976). Ini juga adalah untuk melihat bahawa jawapan tersebut sama ada menepati kepada ukuran sampel.

3.8 Etika Kajian

Semasa menjalankan kajian, penyelidik perlu mengambil berat tentang etika dan adab. Denscombe (2010) menyatakan bahawa terdapat beberapa garis panduan yang perlu diikuti oleh pengkaji untuk mengurangkan kemungkinan isu yang boleh timbul dan mendatangkan kemudaratan. Maklumat yang telah dikumpul hendaklah dikendalikan dengan kerahsiaan; identiti dan penyertaan responden tidak boleh didedahkan kepada umum tanpa kebenaran mereka.

Bersikap sopan memudahkan responden bekerja dengan penyelidik dan memastikan tiada tanda-tanda sabotaj atau penipuan dalam data yang mereka bekalkan.

3.9 Rumusan Bab

Ringkasnya, kaedah yang digunakan dalam penyiasatan ini adalah penting untuk kejayaannya dalam dapat kajian ini. Untuk menyiapkan tugas ini, pengkaji menggunakan pelbagai teknik daripada kajian kualitatif. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah perpustakaan telah digunakan. Dengan semua kaedah kajian ini, penyelidik boleh mendapatkan data yang lebih tepat untuk digunakan sebagai rujukan. Selain itu, pembaca akan mendapati lebih mudah untuk memahami fakta dalam maklumat yang telah diletakkan dalam kajian ini.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Tujuan bab 4 ini adalah untuk menunjukkan data yang diperoleh oleh pengkaji sepanjang kajian dijalankan. Melalui kajian tersebut dapat dilihat terdapat beberapa bukti bahawa reka bentuk masjid ini dapat dijumpai dalam seni reka bentuk di China.

1. Meneliti asal usul serta pengaruhnya dalam menyumbang kepada ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

Melalui objektif pertama ini, dinyatakan tentang bagaimana asal usul ragam hias masjid ini mempunyai pengaruh reka bentuk budaya masyarakat China. Setiap rekaannya ini mempunyai ciri dan juga kepercayaan bagi masyarakat di sana. Elemen budaya masyarakat di negara China ini memberi pengaruh pada unsur reka bentuk pada sesebuah bangunan menyebabkan ianya menjadi unik terutamanya pada bangunan yang suci di bagi umat islam. Perkara ini menjadi agak asing kerana unsur reka bentuk yang digunakan ini kerap digunakan dalam penggunaan tokong dan juga kuil

2. Menganalisis prinsip estetik yang digunakan dalam ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan menilai kesannya terhadap reka bentuk dan fungsi masjid.

Menerusi objektif kedua ini, penggunaan prinsip-prinsip estetika telah digunakan untuk menciptakan keharmonian dalam masjid. Setiap daripada reka bentuknya ini telah menunjukkan fungsi terutamanya dalam pandangan perspektif seseorang. Perkara ini dapat membezakan masjid Beijing ini dengan masjid yang lain kerana melalui reka bentuknya yang unik yang mempunyai prinsip estetika-nya tersendiri.

3. Membangunkan strategi dan inisiatif untuk proses pemuliharaan serta pemeliharaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra sebagai warisan kebudayaan.

Menerusi objektif yang ketiga ini, dapat mengetahui startegi yang diusulkan dalam konteks pemeliharaan dan pemuliharaan sesebuah reka bentuk bangunan masjid. Hal ini demikian kerana, reka bentuk masjid yang unik ini hanya boleh diperoleh daripada masjid ini. Jika perkara ini sentiasa dijaga rapi oleh pihak yang bertanggungjawab seperti pihak kerajaan, pihak masjid dan juga komuniti di sini dalam melestarikan reka bentuk masjid ini supaya dapat diiktiraf sebagai salah satu warisan budaya di Malaysia.

Untuk mengumpul maklumat sebenar untuk kajian ini dan untuk memberikan sokongan padu untuk penemuan yang dibuat di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, pengkaji menggunakan metodologi pemerhatian dan temu bual sepanjang masa. Mengenai teknik kepustakaan, tujuannya adalah untuk menyediakan maklumat penting tambahan yang boleh berfungsi sebagai sokongan untuk bukti yang dikumpul melalui apa-apa bahan ilmiah sama ada secara *online* atau *hard copy*. Secara ringkasnya, bab 4 akan menggunakan teknik yang diterangkan dalam bab 3 untuk menjawab semua keperluan objektif kajian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 Asal-usul serta pengaruhnya dalam menyumbang kepada ragam hias seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra.

Bekas Menteri Besar di Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz telah mencadangkan pembinaan masjid ini yang telah di inspirasi kan daripada Masjid Niujie yang dianggarkan berusia 1300 tahun lamanya ketika beliau bersia-siar di sekitar daerah di negara China. Dakwanya, masjid ini telah dibina dengan niat untuk menarik pengunjung dari kawasan sekitar dan masyarakat, tanpa mengira kaum atau etnik mereka, serta menarik mereka yang dari agama lain yang tertarik dengan keindahan Islam menurut Imam Mohamad Arif bin Suhaimi (2023).

4.2.1 Corak dan Gaya bentuk yang digunakan.

Masjid Niujie di China berkongsi gaya bentuk yang digunakan pada Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra. Setiap ornamentasi telah menunjukkan kehadiran komponen budaya Cina yang digunakan dalam pembinaan masjid.

Corak Bunga Teratai



Rajah 4.1 Ornamentasi bunga teratai pada atap Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Berdasarkan kepada rajah 4.1, corak yang digunakan pada atas atap Masjid Jubli Perak Sultan Ismail adalah corak bunga teratai air. Melalui catatan dalam buku Chinese

Art: A Guide to Motifs and Visual Imagery (2013), Bunga teratai ini mempunyai maksud iaitu kesucian dan juga kejujuran dalam diri seseorang itu. Ia juga membawa maksud kepada nilai keindahan feminin dalam penggunaan dan pemahaman kesenian China.

Tambahan pula, menurut buku *The Lotus Symbols: Its Meaning in Buddhist Art and Philosophy* (1952), bunga teratai ini merupakan bunga yang dijadikan sebagai simbol kesucian bagi mereka yang beragama Buddha kerana ketumbuhan bunga ini di dalam kawasan air yang berlumpur dan menaik ke atas untuk mendapat cahaya matahari dan ianya telah difahamkan adalah jalan untuk menuju ke arah pencerahan. Oleh itu, penggunaan corak bunga ini sentiasa dilihat pada kuil serta tokong kerana majoritinya agama yang dianut oleh komuniti di sana adalah mereka yang beragama Buddha. Berikut merupakan salah satu bangunan yang menggunakan ornamentasi bunga teratai di China:



Rajah 4.2 Ornamentasi bunga teratai pada atap Kuil Shaolin di Henan, China

Sumber: Laman Web Google (<https://www.trip.com/moments/detail/bangkok-191-12674448/>)


Gaya Atap Xie-shan



Rajah 4.3 Gaya atap Xie-shan pada Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra
Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)


Melalui rajah 4.3 pula dapat dilihat Gaya atap Xie-shan yang digunakan pada Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra telah menunjukkan ciri-ciri penggunaan gaya reka bentuk daripada China. Wujudnya atap ni adalah sejak dari Dinasti Han timur yang barangkali digunakan pada dewan yang besar serta kegunaan dewan suci. Keunikan bentuk bumbungnya yang boleh dilihat hujung atap Xie-shan ini tirus dan juga lebih kecil berbanding atap yang lain (A Chinese Renaissance: Henry Killam Murphy and His Interpretation of Traditional Chinese Architecture, 2022). Bumbung ini mempunyai 2 jenis iaitu Mono-eave dan Double-eave menurut Dragon Tours (2017)

Contoh bangunan yang menggunakan jenis atap ini adalah Gate of Heavenly Peace yang merupakan bangunan di mana rakyat Cina dahulunya pernah membuat demonstrasi protes iaitu pada 4 Mei 1919 (Tiananmen Square: A Political History of Monuments, 1991).



Rajah 4.4 Gaya pada atap Xie-shan pada bangunan Tian'anmen di Dongcheng, China.
 Sumber: Laman Web Google (<https://www.viator.com/en-HK/Beijing-attractions/Gate-of-Heavenly-Peace-Tiananmen-Tower/d321-a18685>)

Corak Geometri



Rajah 4.5 Corak penggunaan geometri pada ragam hias di Masjid Jubli Perak Sultan
 Ismail Petra

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)



Rajah 4.6 Corak penggunaan geometri pada ragam hias di Masjid Jubli Perak Sultan
Ismail Petra

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)



Rajah 4.7 Corak penggunaan geometri pada ragam hias di Masjid Jubli Perak Sultan
Ismail Petra

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Berdasarkan tiga rajah di atas iaitu rajah 4.5, 4.6 dan 4.7 telah dilihat ciri corak yang kerap penggunaannya oleh komuniti di China iaitu dengan menggunakan kedua-dua

bentuk bulat dan segi empat sama. Bentuk bulat melambangkan kesempurnaan, perpaduan, dan kesatuan dalam masyarakat Cina. Dengan menggunakan corak ini, idea syurga disampaikan dengan melambangkan kitaran kehidupan, kematian, dan kelahiran semula. Sebaliknya, ditunjukkan bahawa segi empat sama melambangkan peraturan melalui penggunaan garis lurus dan sudut tajam (Kane Gao, 2012). Bentuk ini juga menunjukkan kestabilan, simetri dan keseimbangan duniawi, yang juga dianggap sebagai konsep daripada manusia dan juga alam fana. (Kazmi, Samantha, 2023).

Penggunaan corak berbentuk bulat dan segi empat sana ini telah merangkumi idea keharmonian antara manusia dan juga alam semula jadi yang merupakan inti utama dalam konsep pemikiran bagi ahli falsafah cina tradisional yang juga telah dipersetujui oleh mereka yang beragama Taoisme dan Confucianisme. Pemahaman “*circular heaven and square earth*” adalah fahaman dari golongan tradisi cina ini terutamanya dalam bidang kosmologi (bidang pemahaman tentang alam semesta) yang berkaitan dengan hubungan manusia dan alam menurut Research on Order Aesthetics of Traditional Chinese Architecture from the Perspective of Design Geometry (2022). Rajah 4.8 merupakan salah satu contoh penggunaan corak geometri.



Rajah 4.8 Kegunaan corak geometri pada bingkai bangunan Old Town Yuyuan Bazaar di Shanghai, China.

Sumber: Laman Web Google (https://buffaloah.com/a/virtual/china/shang_baz/shang_baz.html)

Gaya Pendakap Dougong



Rajah 4.9 Gaya pendakap Dougong di Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra
Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Seperti yang dilihat dalam rajah 4.9 di atas, salah satu reka bentuk unik dengan ciri binaan kayu tradisional Cina ialah pendakap Doudong. Fungsi mekanikal Dougong ini adalah untuk menegakkan kestabilan struktur pembinaan. "Puzuo" ialah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada penggunaan Dougong semasa Dinasti Song (960-1279 M), manakala istilah Dougong digunakan semula sepanjang Dinasti Ming dan Qing (1368-1912 M) menurut Mechanical properties of Dogong bracket in Chinese traditional timber structure under vertical loads: A systematic Review (2023).

Apabila kayu mula-mula digunakan oleh pertukangan Cina untuk pembinaan, tukang kayu akan memotong kepingan kayu supaya dapat disusun dan dimuatkan tanpa memerlukan gam atau paku menurut Steinhardt (2002). Dougong ini disebut sebagai tumpuan utama buruh pertukangan kayu dalam buku Yingzao Fashi (Building Regulation) oleh Li Jie (1103 M, Dinasti Song) dan Gongcheng Zuofa (Methods for Construction) oleh kerajaan (1734 M, Dinasti Qing). Melalui rajah 4.10, ianya merupakan contoh penggunaan Dougong pada sesebuah bangunan.



Rajah 4.10 Gaya pendakap Dougong di Kuil Jinci, di Shanxi, China.

Sumber: Laman Web Google (https://www.sohu.com/a/487958868_562157)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Prinsip estetika yang diterapkan dalam hiasan seni bina Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan nilainya dalam mempengaruhi fungsi serta susun atur masjid.

Sama ada dalam lukisan atau rekabentuk, prinsip estetika ini pernah diterapkan untuk menghasilkan pelbagai idea menarik bagi individu yang ingin mereka sesuatu. Secara amnya, prinsip estetika ini mempunyai peranan yang sama seperti prinsip rekabentuk kerana mempunyai hubungan kait yang sama. Bagi pandangan Ku Zam Zam (1984) pula, rupa yang menarik mampu menimbulkan rasa penyatuan yang dapat mengubah emosi atau perspektif jiwa raga seseorang. Dapat dilihat melalui masjid ini telah menggunakan beberapa prinsip yang berkait iaitu irama, dominasi, keseimbangan dan juga kesatuan menurut Reham Yousef (2005).

Prinsip Proporsi

Merupakan reka bentuk yang mempunyai kaitan melalui saiz, nombor dan kuantiti corak. Hakikat bahawa teknik ini boleh menghasilkan sebuah karya estetik yang menakjubkan dan imej seimbang secara visual menjadikannya sangat penting. Oleh kerana setiap manusia mempunyai perspektif yang berbeza, ia boleh menjadi sangat mencabar untuk mencari prinsip proporsi yang baik dalam sesebuah karya seni. Art Fundamentals: Theory and Practice (2013) menyatakan bahawa keharmonian dapat dihasilkan apabila sesuatu reka bentuk atau karya seni mempunyai nisbah yang masuk akal dalam penggunaan prinsip proporsi ini.



Rajah 4.11 Penggunaan prinsip proporsi dalam ruang dalam masjid

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Merujuk pada rajah 4.11 di atas, proporsi menyumbang kepada suasana damai dan indah yang dapat tercipta ketika jemaah haji mengunjungi masjid untuk bersembahyang. Proporsi corak reka bentuk ini kerap digunakan kerana ia mendapat inspirasi daripada corak yang biasa digunakan dalam budaya agama Islam khususnya. Corak geometri ini digunakan kerana bentuknya yang menarik walaupun dengan penggunaan bentuk yang berbeza ianya berjaya dalam menghasilkan keharmonian. Ia juga boleh menyelaraskan unsur-unsur estetika masjid dengan penggunaan simbolik Islam iaitu penggunaan kaligrafi khat, yang sentiasa digunakan sebagai elemen hiasan.

Prinsip Kesatuan

Prinsip ini terjadi apabila elemen-elemen in bergabung untuk menghasilkan satu visual yang menarik daripada bahagian-bahagian corak yang kecil yang seterusnya menghasilkan gambaran yang lebih besar. Ia memberi pandangan perspektif yang sempurna dan berstruktur. Kesatuan ini tercapai melalui gabungan bentuk, warna, ruang atau corak yang serupa yang seterusnya dapat memberi kesan terutamanya pada emosi manusia. Antara contoh penggunaan prinsip ini dalam rekabentuk masjid ini ialah:



Rajah 4.12 Warna dan corak yang menghasilkan prinsip kesatuan

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Melalui rajah 4.12, dapat dilihat bahawa penggunaan warna, bentuk dan juga motif yang digunakan ini menghasilkan salah satu prinsip kesatuan yang menarik. Gabungan warna panas dan sejuk ini dapat menghasilkan salah satu kombinasi yang memberi ketenteraman dan juga keselesaan bagi orang yang masuk ke dalam masjid tersebut. Ianya juga dapat menunjukkan keseimbangan dalam yang secara tidak langsung dapat menghasilkan pemandangan yang cantik dan berestetik. Disebabkan itu, impak yang diberikan pada mereka yang datang ke masjid ini ialah mereka dapat menunaikan solat dengan keadaan yang tenang dan tenteram.

Prinsip Irama

Menggunakan seni reka bentuk yang dihasilkan, salah satu prinsip iaitu prinsip irama menekankan keseimbangan yang menunjukkan perspektif ton, pergerakan, dan juga arah. Irama ini kebanyakannya dilihat secara pandangan visual. Contohnya, pergerakan ombak atau aliran air. Melalui perspektif masing-masing, irama ini boleh terhasil kerana setiap individu mempunyai pandangannya tersendiri. Terdapat beberapa jenis irama yang telah didapati antaranya ialah irama progresif, berselang-seli, rawak dan aliran.



Rajah 4.13 Irama dalam penggunaan reka bentuk

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Irama ini terjadi apabila kesan garisan itu dilakukan secara berulang kali sehingga menunjukkan sesuatu pergerakan seperti mengalir dan berpusing terutamanya pada bahagian lekuk garisan. Menerusi rajah 4.13, irama yang terhasil melalui corak ini ialah kenampakan daun-daunan yang menjalar secara tidak teratur akan tetapi masih menunjukkan keseimbangan dalam gaya hiasan seni tersebut. Peranan prinsip ini adalah untuk memberi kesan emosi serta pandangan perspektif bagi visual seseorang. Ini kerana, corak yang dihasilkan ini memberi kesan rekabentuk yang hidup yang menyebabkan ianya menjadi tarikan para masyarakat atau pelancong yang datang ke masjid ini.

Prinsip Keseimbangan

Menurut Ockvirk (1962), keseimbangan ini adalah ditentukan melihat daripada saiz, rupa, kualiti dan juga arah elemen seni reka bentuk ketika ingin membentuk salah satu perkara yang menentukan gambaran yang seimbang dan juga melalui prinsip ini dapat membantu menghidupkan visual yang harmoni. Imbangan simetri dan asimetri adalah dua daripada pelbagai jenis imbangan yang telah dikenal pasti.



Rajah 4.14 Kedudukan objek dalam keadaan seimbang yang simetri

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)



Rajah 4.15 Bentuk gaya dalam keadaan yang tidak simetri
 Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Seperti yang boleh diperhatikan, keseimbangan simetri telah digunakan dalam penghasilan kebanyakan corak di masjid ini. Keseimbangan ini adalah apabila ia dibelah dua, seperti dalam rajah 4.14, bahagian kanan dan kiri masih mengekalkan reka bentuk corak yang sama yang mewujudkan keseimbangan simetri. Bagi rajah 4.15 pula, ianya merupakan gaya keseimbangan tidak simetri. Pada mulanya ia terlihat seperti simetri kerana coraknya yang seakan. Tetapi jika dilihat dengan lebih baik ia merupakan gaya atau bentuk yang tidak simetri. Ini menunjukkan keunikan prinsip seni ini. Pengimbangan simetri mempunyai potensi untuk menghasilkan kesan formal dan berstruktur. Corak ini bertujuan untuk menunjukkan cara reka bentuk ini boleh menarik perhatian orang ramai kerana keunikan dan rasa keseimbangannya.

Prinsip Dominasi

Dari segi prinsip estetik ini, dominasi berlaku apabila reka bentuk visual menjana titik fokus yang kuat dan kesan menarik perhatian. Sesiapa yang melihat reka bentuk akan dapat melihat komposisi visual yang kukuh serta ruang dan perspektif (Reham Yousef, 2005). Selain itu, ia boleh meningkatkan persepsi visual seseorang yang boleh menguraikan komposisi atau reka bentuk sesebuah bangunan atau karya seni.



Rajah 4.16 Menara masjid yang menggunakan prinsip dominasi

Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Melihat lebih dekat pada Rajah 4.16 ini telah mendedahkan bahawa menara tinggi ini mendominasi penglihatan masjid yang fungsinya adalah sebagai laungan azan yang berkumandang untuk menunjukkan waktu solat. Menara ini memaparkan nama 25 nabi dan rasul. Pada masa yang sama juga telah menunjukkan bahawa menara ini sebagai titik tumpuan untuk perhatian umum.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Strategi dan inisiatif untuk proses pemuliharaan serta pemeliharaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra sebagai warisan kebudayaan.


Bagi melindungi variasi hiasan dan memastikan ia dipelihara untuk generasi akan datang, masjid ini telah mengemukakan beberapa strategi dalam proses pemeliharaan dan pemuliharaan ragam hias ini. Imam Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Imam Mohamad Arif bin Suhaimi berkata, sebilangan ahli jawatankuasa masjid tersebut berbesar hati dalam bekerjasama untuk menjaga hiasan masjid yang boleh dikatakan rumit untuk dijaga. Dia mendakwa bahawa dalam pengekalan rupa semasa, warna dan bentuk reka bentuk tanpa berlakunya kerosakan, mereka bekerjasama untuk membersihkan corak, ornament atau hiasan pada masjid tersebut. Melalui pembersihan sarang labah-labah dan habuk yang berada di kawasan yang sukar dibersihkan, dapat membantu pengurangan kekotoran dan pada masa yang sama masih mengekalkan bentuk ragam hias masjid. Disebabkan peningkatan kesedaran tentang keperluan untuk mengekalkan ciri-ciri dan gaya hiasan masjid bagi memanjangkan jangka hayatnya, projek ini telah melibatkan masyarakat secara aktif dalam menjaga masjid dengan lebih baik. Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, hiasan masjid masih tersergam indah, kukuh dan menarik.

Strategi lain yang digunakan oleh masjid ini adalah mereka masih lagi mengekalkan penggunaan atap yang diimport daripada China. Hal ini demikian kerana, mereka masih lagi mengekalkan penggunaan asli barangan serta bahan atap terutamanya supaya pengekalan budaya ragam hias China masih lagi digunakan. Bukan itu sahaja, ia juga dikatakan bahawa penggunaan asli bahan tersebut dapat meningkatkan lagi tradisi serta budaya dalam sesebuah bangunan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai warisan budaya. Melalui penggunaan bahan asli ini juga, dapat memberi daya tarikan visual yang tersendiri yang mencorakkan identiti masyarakat di negara tersebut.




Rajah 4.17 Atap yang digunakan dalam pembinaan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra
 Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

Tambahan pula, pihak masjid telah menyimpan kertas kerja daripada pihak JKR (Jabatan Kerja Raya) iaitu Cadangan Membina dan menyiapkan Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan. Dalam kertas kerja ini, terdapat pemetaan masjid dan juga informasi yang berkaitan dengan rekabentuknya. Tambahan pula, pelan lantai masjid disertakan, terdiri daripada kedua-dua pelan lantai tingkat "bawah tanah" dan pelan lantai. Dengan adanya kertas kerja ini, dapat membantu dalam menjalankan sesi pemuliharaan dan juga pemelihan sebagai salah satu rujukan yang sah. Dapat dikenal pasti bahawa, dengan penghasilan dokumentasi kajian sesebuah bangunan ini akan lebih memudahkan lagi ahli konservator atau pihak yang bertanggungjawab untuk membaik pulih masjid ini pada masa akan datang.



Rajah 4.18 Informasi tentang Pengenalan Masjid Terawal
 Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)



Rajah 4.19 Informasi tentang Pelan Masjid
 Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)



Rajah 4.20 Informasi tentang Maklumat Projek
 Sumber: Lokasi Lapangan (23 Oktober 2023)

UNIVERSITI
 MALAYSIA
 KELANTAN

4.5 Rumusan Bab

Kesimpulannya, melalui data yang diperolehi daripada kajian ini, ianya telah menjawab segala persoalan dan juga masalah yang telah di tulis pada bab 1. Pada objektif pertama di sini, pengkaji telah mendapat tahu data mengenai kedatangan pengaruh budaya cina ini di masjid tersebut yang mempunyai ciri-ciri hiasan yang menarik serta mencolok mata bagi mereka yang pernah datang di masjid ini. Bagi objektif kedua, pengkaji juga telah menjumpai beberapa prinsip seni reka bentuk yang digunakan dalam penghasilan ornament atau bentuk di masjid ini. Pengkaji juga telah mengetahui fungsi prinsip ini terhadap rekaan ini dalam diri seseorang. Akhir sekali untuk objektif yang ketiga, strategi dan juga kaedah yang telah dikemukakan oleh ahli yang telah di temu bual merupakan cara yang bernas dalam menjaga kelestarian reka bentuk masjid ini sebagai salah satu warisan budaya. Dapat disimpulkan bahawa, setiap data yang diperolehi ini boleh dijadikan sebagai rujukan utama terhadap reka bentuk yang sering dijumpai di negara China sebagai panduan masyarakat yang mampu menjadi salah satu bahagian penting dalam konteks warisan budaya di negara kita.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bahagian bab 5 ini, pengkaji akan membincangkan beberapa kesimpulan keseluruhan kajian, kesannya, beberapa cadangan, dan hadnya dalam bab ini supaya orang ramai boleh menggunakannya sebagai rujukan untuk penyelidikan akan datang. Oleh sebab itu, objektif utama kajian adalah untuk memahami hiasan budaya yang digunakan oleh kaum Cina, yang mempunyai ciri indahya tersendiri dalam membina sesebuah bangunan, khususnya tempat ibadat seperti masjid.

5.2 Kesimpulan

Akhirnya, setiap corak dan rekaan yang digunakan oleh masyarakat Cina mempunyai nilai kecantikan yang unik yang merangkumi identiti bangsa mereka. Berdasarkan penemuan kajian, tiga matlamat telah dikenal pasti iaitu menyelidik sejarah dan kesan budaya; mengkaji prinsip-prinsip estetika dan aplikasinya kepada gaya hiasan seni bina masjid; dan mencadangkan kaedah dan projek untuk pemeliharaan dan pemuliharaan gaya hiasan.

Hasil daripada dapatan kajian untuk tujuan pertama menunjukkan bahawa setiap reka bentuk yang terdapat di masjid telah berjaya ditempatkan dan dianalisis dalam mendapatkan pengetahuan yang lebih menyeluruh mengenainya. Semua maklumat yang dikumpul oleh pengkaji ini diperolehi daripada sesi temu bual, pemerhatian dan kajian kepustakaan yang ditemui. Pemerhatian mendedahkan bahawa pelbagai hiasan pada bangunan yang dikaji ini adalah berasal dari Cina yang telah dijadikan inspirasi dalam penghasilan beberapa motif dan reka bentuk yang mana setiap motif ini mempunyai makna tertentu dalam pemahaman masyarakat di sana.

Dapatan kajian berkenaan matlamat kedua adalah prinsip estetik diterapkan dalam ciptaan reka bentuk dalaman masjid. Terdapat beberapa prinsip yang bersesuaian dengan reka bentuk hiasan seperti yang dapat dilihat pada hasil dapatan kajian. Prinsip estetika ini sudah sememangnya perlu ada dalam mata pelajaran pada pelajar kini. Ini kerana adalah untuk

mendedahkan mereka tentang uniknya setiap perspektif ini dapat mempengaruhi emosi serta pemikiran seseorang. Contoh prinsip yang terdapat dalam penggunaan masjid ini ialah prinsip proporsi, kesatuan, irama, keseimbangan dan juga dominasi

Pengkaji telah mengumpul data daripada temu bual dengan pihak yang bertanggungjawab dalam Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra merupakan hasil daripada kajian yang dijalankan untuk matlamat ketiga. Di sini, pengkaji juga telah mengetahui tentang beberapa inisiatif masjid untuk menarik minat orang ramai melalui temu bual. Telah dicadangkan bahawa dengan beberapa pembinaan kedai dan taman boleh menarik pelancong atau komuniti di sana walaupun dalam peringkat umur yang berbeza: dewasa dan kanak-kanak. Tambahan pula, bukti kukuh yang menyokong inisiatif tersebut telah ditemui dalam setiap temu bual. Keseluruhannya, hasil kajian telah memenuhi setiap matlamat yang ditetapkan.

5.3 Kesan Kajian

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini dapat ditentukan bahawa penggunaan unsur seni reka bentuk cina ini telah diterapkan dalam penggunaan masjid ini. Dari segi implikasinya, masjid ini akan menjadi salah satu tarikan bagi orang di luar sana untuk mengunjunginya yang boleh meningkatkan sektor pelancongan di kawasan sana dan pada masa yang sama mereka boleh menjalankan ibadah wajib seperti bersembahyang. Dengan adanya bantuan kerajaan dan juga bukan kerajaan, masjid yang telah ditubuhkan ini mendapat banyak pertolongan untuk meningkatkan lagi dana masjid ini. Rekabentuknya yang unik serta menarik, tidak dapat dinafikan ianya akan menjadi tempat yang dikenali oleh orang ramai dan juga pada masa yang sama, dapat di jadikan sebagai salah satu bangunan warisan di negara kita. Masjid ini juga telah melakukan pembinaan kedai di sekitar masjid untuk dijadikan sebagai dana tambahan untuk penambahbaikan infrastruktur masjid ini..

Kesan lain juga adalah, dengan terjadinya peningkatan dalam menambah baik infrastruktur serta kemudahan awam. Dengan adanya pertambahan dana melalui bantuan atau hasil daripada ahli jawatankuasa itu sendiri, kemudahan seperti meluaskan tempat parkir, membina pondok kecil atau membina kedai dapat ditingkatkan dan juga pada masa yang sama

hasil untung ini bukan sahaja untuk kegunaan masjid tetapi juga bagi masyarakat yang lebih memerlukan. Ini menunjukkan bahawa ahli jawatankuasa ini menggunakan ruang masjid dengan sewajarnya.

Hasil analisis ini juga menunjukkan bahawa pemuliharaan dan pemeliharaan masjid akan terpelihara dengan baik. Ini adalah hasil kesedaran masyarakat yang menggalakkan saranan amalan penambahbaikan bagi memastikan pengurusan masjid ini menjaga keutuhannya. Rasa tanggungjawab untuk memelihara aset budaya menyumbang kepada pengukuhan hubungan masyarakat antara satu sama lain. Tambahan pula, ianya juga telah menjadi salah satu pendedahan yang efisien dalam membantu masyarakat untuk mengetahui pelbagai seni rekabentuk yang ada di dalam negara kita ini

5.4 Ringkasan

Akhirnya, pengkaji telah mempelajari banyak perkara daripada kajian ini. Di samping itu, kajian ini memberi peluang kepada penyelidik untuk melawat Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra dan menyaksikan sendiri keindahannya. Mereka juga boleh bertemu bual dan membincangkan sejarah masjid, seni bina, komuniti dan aspek lain bersama ahli jawatankuasa masjid. Pengkaji menjangkakan bahawa hasil kajian yang dilakukan ini akan membantu individu yang ingin mendalami pelbagai reka bentuk masjid yang dilihat di Malaysia. Dengan itu, pengkaji cukup gembira kerana telah menjawab setiap pertanyaan dan mencapai matlamat penyelidikan kajian ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

Buku

1. Ocvirk, O. G. (2008). *Art Fundamentals: theory and practice*. Mcgraw-Hill Education.
2. Patricia Bjaaland Welch. (2008). *Chinese art: a guide to motifs and visual imagery*. Tuttle Pub.

Artikel Jurnal dari Sumber Eletronik/Laman Sesawang

1. Aljunied, K. (2018). “Not Just a House to Honour God”: Mosques in the Malay World as Cosmopolitan Spaces. *Commitee on Publication Ethics (COPE)*, 8, 43. <http://www.gjat.my/gjat062018/GJAT062018-4.pdf>
2. Aziz, S.H, & Ali @ Mat Zin, A. (2021). Mosque: A History of Islamic Architectural Writing in Malaysia: Masjid: Sejarah Penulisan Seni Bina Islam di Malaysia. *Al-Muqaddimah: Online Journal of Islamic History and Civilization*, 9(1), 53–71. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/MUQADDIMAH/article/view/34450>
3. Bahyah, A., Wan, A., & Mujani, K. (2013). *SENI BINA ISLAM: SATU PENGAMATAN*.
4. Hung, W. (1991). Tiananmen Square: A Political History of Monuments. *Representations*, 35(35), 84–117. <https://doi.org/10.2307/2928718>
5. Hussin, H., Mansor, S. A., Omar, R., Ismail, H., & Hassan, A. (2009). SENI, SENI HIAS, SENI REKA, REKA BENTUK DAN ESTETIKA DARIPADA PERSEPSI UMUM DAN ORANG MELAYU: GENERAL AND MALAY PERCEPTION OF ART, DECORATIVE ART, ART DESIGN, DESIGN AND AESTHETICS. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 20(1), 82–98. <http://mjs.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9669>

6. Interaction Design Foundation . (2010). *UX Design Courses & Global UX Community*. Interaction Design Foundation; UX Courses. <http://mjs.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9669><https://www.interaction-design.org/>
7. Kosman, K. A., & Nik Ibrahim, N. L. (2007). Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya. *Masalah Dan Penyelesaiannya Sari*, 25, 279–290. http://journalarticle.ukm.my/1112/1/Nota_Penyelidikan-Identiti_Seni_Bina_Malaysia.pdf
8. Minsung, C., Roslina, P., & Wahid, A. (2016). PENTERJEMAHAN BUDAYA BUKAN KEBENDAAN DALAM TEKS TERJEMAHAN BAHASA KOREA-BAHASA MELAYU. *Jurnal Melayu Bil*, 15(2), 2016. <https://journalarticle.ukm.my/9965/1/16177-45357-1-SM.pdf>
9. PMWP, A. (2019, August 5). *BAYAN LINNAS SIRI KE-206: PENGIMARAHAN MASJID: TUGAS KITA*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimarah-an-masjid-tugas-kita>
10. Ramli, Z. (2019). PENEMUAN TERKINI TAPAK PRASEJARAH DI LEMBANGAN SUNGAI NENGGIRI (RECENT DISCOVERIES OF PREHISTORIC SITES IN NENGGIRI BASIN). *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 32(1). <https://journalarticle.ukm.my/14281/1/194-326-1-PB.pdf>
11. Surat, M., Rasdi, M., Musa, A., Utaberta, N., & Tahir, M. (2011). *Salah Tanggapan Terhadap Kubah Pada Senibina Masjid: Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Rekabentuk Masjid*. <https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/viewFile/105/71>
12. Wang, Z. (2022). Research on Order Aesthetics of Traditional Chinese Architecture from the Perspective of Design Geometry. *Frontiers in Art Research*, 4(11). <https://doi.org/10.25236/far.2022.041111>

13. Ward, W. E. (1952). THE LOTUS SYMBOL: ITS MEANING IN BUDDHIST ART AND PHILOSOPHY. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 11(2), 135–146. https://doi.org/10.1111/1540_6245.jaac11.2.0135
14. Yang, R., Mapesela, S., Li, H., & Lorenzo, R. (2023). Mechanical properties of Dougong bracket in Chinese traditional timber structure under vertical loads: A systematic review. *Journal of Building Engineering*, 68, 106125. <https://doi.org/10.1016/j.jobbe.2023.106125>
15. Zhang, B. (2022). A Chinese Renaissance: Henry Killam Murphy and His Interpretation of Traditional Chinese Architecture. *Journal of Traditional Building, Architecture and Urbanism*, 3, 312–324. <https://doi.org/10.51303/jtbau.vi3.605>

Internet

1. Akbar, C. (2011, February 24). “Masjid Beijing“, *Lambang Penyatu Umat di Kelantan*. Hidayatullah.com. <https://hidayatullah.com/feature/2011/02/24/46685/masjid-beijing-lambang-penyatu-umat-di-kelantan.html>
2. China Dragon Tours. (2017). *Traditional Chinese Roof Architecture – China Travel Agency*, *China Tours 2019 | China Dragon Tours*. www.chinadragontours.com. <https://www.chinadragontours.com/traditional-chinese-roof-architecture.html>
3. Google Maps. (n.d.). Google Maps. <https://www.google.com/maps/place/Masjid+Jubli+Perak+Sultan+Ismail+Petra/@6.015905>
4. Hafizan. (2018, April 21). *Masjid Niujie : Warisan Tinggalan Islam di China • Limau Mandarin*. Limau Mandarin. <https://limaumandarin.com/masjid-niujie-warisan-tinggalan-islam-di-china/>

5. Hasanul Rizqa. (2022, August 7). *Masjid Sultan Ismail Petra, Nuansa Beijing di Kelantan | Republika ID*. Republika.id. <https://www.republika.id/posts/30671/masjid-sultan-ismail-petra-nuansa-beijing-di-kelantan>
6. Interaction Design Foundation. (2010). *What is Aesthetics?* The Interaction Design Foundation. <https://www.interaction-design.org/literature/topics/aesthetics>
7. Zulkipli, N. (2011, February 22). *Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra a.k.a MASJID BEIJING*. <http://2010215626.blogspot.com/2011/02/tajuk-sejarah-penubuhan-dan-kegiatan.html>
8. Online, U. (2017). *Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra (Masjid Beijing)*. <http://www.utusan.com.my/Berita/Wilayah/Kelantan/Keunikan-Masjid-Beijing-Di-Rantau-Panjang-1.445332>.
<http://digitalkelantancollection.umk.edu.my/koleksikelantan/items/show/3010>
9. Umminani. (2020, January 28). *Masjid Beijing Tanda Keagungan Islam di Bumi Kelantan*. Umminani. <https://umminani.com/2020/01/masjid-beijing-kelantan-dekorasi-unik-tanda-keagungan-islam/>
10. Zulkipli, N. (2011, February 22). *Masjid Jubli Perak Sultan Ismail Petra a.k.a MASJID BEIJING*. <http://2010215626.blogspot.com/2011/02/tajuk-sejarah-penubuhan-dan-kegiatan.html>

Temu Bual

1. Suhaimi, M. A (2023, October 24). *Asal Usul Masjid Beijing* (N. A. Mohamed Fauzan, Interviewer) [Personal communication]

GLOSARI

A

Agama; Kepercayaan pada Tuhan dan sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya.

Asal usul; Tempat asal atau sejarah awal sesuatu yang diketahui

B

Budaya; Kemajuan fikiran dan akal budi (cara berfikir dan berkelakuan)

C

Corak; Susunan motif sama ada secara teratur, terancang atau secara bebas

E

Estetika; Cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan dan cita rasa.

I

Islam; Penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah Subhanhu wa ta'ala (وَسُبْحَانَہُ) (تَعَالَى), Damai dan sejahtera

K

Komprensif; Liputannya yang luas dan lengkap yang terkandung di dalam sesuatu perkara (buku, kamus, atau kajian)

M

Masjid; Tempat suci untuk orang islam menunaikan perkara yang wajib seperti bersembahyang.

N

Nilai; Satu prinsip yang menyebabkan anggota masyarakat menjadikannya sebagai induk panduan dalam menjalani kehidupan.

O

Ornamentasi; Bentuk karya seni yang ditambah yang bertujuan supaya lebih cantik dan indah

P

Pemuliharaan; Satu proses menjaga dan mengawasi sesebuah barangan warisan daripada dimusnahkan tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik

Pemeliharaan; Satu proses dalam mengekalkan sesuatu dalam keadaan asal dan hendaklah dijalankan jika diperlukan dalam usaha untuk mencegah daripada kerosakan yang akan berlaku

W

Warisan; Diterima secara turun temurun oleh seseorang atau kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu

INDEKS

A

Agama

IV, 3, 4, 6, 7, 10, 12, 17, 30, 31, 35, 39, 55

B

Budaya

II, III, IV, V, VIII, 2, 4, 7, 8, 9, 10, 11, 13, 18, 19, 20, 25, 26, 28, 29, 30, 39, 44, 47, 48, 50, 52, 55

C

China

VI, 1, 2, 16, 19, 28, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 37, 44, 47, 53

F

Fungsi

III, V, 6, 8, 9, 10, 13, 23, 24, 28, 29, 36, 38, 43, 47

I

Islam

VIII, IX, 1, 2, 3, 5, 6, 12, 17, 18, 20, 28, 30, 39, 51, 53, 54, 55

M

Masjid

VIII, 1, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 29, 30, 32, 33, 34, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 55

P

Prinsip

III, IV, V, VI, 7, 9, 10, 13, 19, 28, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 47, 48, 49, 56

W

Warisan

III, IV, V, 1, 4, 7, 8, 9, 11, 13, 14, 23, 26, 28, 27, 44, 47, 49, 53, 56